

Ekspo i-Inova'13 dekat di hati masyarakat

» *Tingkat kreativiti, inovasi secara globalisasi*

Ekspo Inovasi Islam (i-Inova'13) kali ke-4, anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang berlangsung pada 25-27 Oktober telah menerima seramai 7,000 pengunjung sepanjang ekspo dijalankan. Pelbagai program Orang Kurang Upaya (OKU) telah diadakan iaitu pameran, bengkel, konsultasi profesional multidisiplin dan karnival dan pertandingan produk inovasi. i-Inova'13 disertai institut pengajian tinggi (IPT) dan Pusat Penyelidikan Tempatan (RIs) tempatan dan antara-bangsa dengan menyaksikan 140 produk dipertandingkan dan 16 IPT mengambil bahagian.

Selain itu, 7 IPT dan RIs antarabangsa yang terlibat dalam i-Inova kali ini ialah Indonesia, Brunei, Gaza, United Arab Emirates, Mesir, Sudan dan Pakistan. i-Inova'13 diadakan dengan kerjasama Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) serta mendapat sokongan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Program itu turut dimeiahkan dengan kehadiran rakan inovasi iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Saintis

Muslim Malaysia (PERINTIS), Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS), Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (FAQEH) dan Persatuan Usahawan Istimewa (OKU) Malaysia.

i-Inova'13 telah disempurnakan perasmian oleh DYMM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Binti Almarhum Tengku Besar Mahmud, selaku Tuanku Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), pada 26 Oktober 2013. Manakala YB Datuk Dr Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai perasm Majlis Penutup dan penyampaian hadiah i-Inova'13 pada 27 Oktober 2013.

Selari dengan tema pada tahun ini iaitu *Inspiring Islamic Innovative Minds*, i-Inova'13 dilihat sebagai satu ekspo yang dekat di hati masyarakat dengan mem-



Pemenang Utama Anugerah Inovasi Islam Ekspo i-Inova'13 yang berlangsung baru-baru ini.

perkenalkan kategori produk baharu bagi golongan kurang upaya (OKU) yang berteraskan Sains Islam. Pada tahun ini, bertepatan dengan tema i-Inova'13, hadiah utama berbentuk trofi dan wang tunai RM3,000 iaitu Anugerah Inovasi Islam, yang menekankan sumbangan kepada ummah bagi kategori terbuka, disandang oleh produk bertajuk *Uthmanic Model Of*

Quranic Orthography In Braille, diketuai oleh PM Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Produk ini turut menyandang Anugerah Ibnu Maqtum (OKU) bagi inovasi golongan kurang upaya (OKU) di mana pemenang menerima trofi dan wang tunai RM1,500. Manakala Anugerah Inovasi Islam bagi kategori prasiswa-

zah disandang oleh produk bertajuk *Green Oil Absorbent from Modified Rubber*, diketuai oleh Dr. Mohamad Azwani Shah bin Mat Lazim, dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di mana pemenang menerima trofi dan wang tunai RM3000. Produk ini turut menyandang Anugerah Ibnu Sina (Inovatif) di mana pemenang menerima trofi dan wang tunai RM1,500.

Bagi Anugerah Ibnu Sina (Inovatif) bagi kategori terbuka dimenangi oleh Agensi Nuklear Malaysia, bertajuk *Nucleoniceye: Portable/Mobile Gamma-Ray Gauge To 'See' Level And Its Content Inside Fire Extinguisher Vessel And Liquefied Gas Tanks*, membawa pulang sebuah trofi dan wang tunai RM1,500, diketuai oleh Dr Jaafar Abdullah.

Bagi Anugerah Al-Khawarizmi (Praktikaliti), pemenang membawa pulang sebuah trofi dan wang tunai RM1,500. Bagi kategori prasiswa-

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bertajuk *Horley Laksa Noodle from Barley*, diketuai oleh PM Dr Alina Abdul Rahim. Produk ini juga memenangi anugerah MINDS (Kreativiti). Manakala kategori terbuka bagi Anugerah Al-Khawarizmi (Praktikaliti) bertajuk *Sustainable Pocket Edu: Interactive Mobile Learning*, dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan diketuai oleh Dr Issham Ismail. Bagi Anugerah MINDS (Kreativiti) kategori terbuka dimenangi oleh syarikat Pisang Sdn. Bhd bertajuk *Dinarpal: Islamic Digital Money*.

Secara keseluruhan hanya 43% sahaja penyertaan pertandingan produk berjaya memperolehi pingat di i-Inova'13 tahun ini, iaitu 9% pingat emas, 12% pingat perak dan 22% pingat gangsa. Pada tahun ini, USIM telah berjaya merangkul sejumlah 6 pingat emas, 2 pingat perak dan 7 pingat gangsa.